

21 DEC 1999

Hassan-Kalah

MB SELANGOR GARIS TIGA SEBAB BN GAGAL PERTAHAN ENAM KERUSI DUN

SHAH ALAM, 21 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar hari ini berkata, fitnah pembangkang, masalah dalaman parti dan kekuatan barisan pembangkang sendiri menjadi punca kekalahan Barisan Nasional (BN) di enam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada pilihan raya 29 Nov lepas.

Beliau berkata, fitnah pembangkang dan masalah dalaman parti merupakan masalah utama yang dialami sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Selangor juga mengalami masalah dalaman parti sehingga menyebabkan ada kalangan anggota yang belot di beberapa kawasan dan memberikan contoh Shah Alam dan Kuala Selangor yang terdapat laporan mengenai perkara itu walaupun BN menang di kedua-dua kawasan Parlimen itu.

"Kita sedang kumpul maklumat mengenai perkara ini serta laporan post mortem mengenai kekalahan enam DUN pada pilihan raya lepas untuk dikemukakan kepada Majlis Tertinggi untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam persidangan berita selepas menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Pada pilihan raya, baru-baru ini BN Selangor kehilangan enam kerusi DUN berbanding tiga pada pilihan raya 1995.

Abu Hassan berkata, satu lagi faktor yang menjadi punca kekalahan BN adalah kerana lokasi dan kekuatan pembangkang di kawasan-kawasan tertentu.

Beliau berkata Selangor terletak hampir dengan ibu negara, dengan pengaruh serta gerakan pembangkang amat kuat dan demonstrasi yang pernah diadakan di sana sebelum ini turut menyumbang kepada punca kekalahan.

Beberapa tokoh perpengaruh dari Parti Keadilan Nasional turut mengambil bahagian dalam pilihan raya kali ini dan memilih Selangor sebagai medan untuk mencuba nasib dengan mereka memiliki sokongan kuat.

Pada pilihan raya baru-baru ini, bekas setiausaha sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohd Azmin Ali berjaya mengalahkan bekas Exco Selangor Datuk Fuad Hassan di kawasan DUN Hulu Klang manakala Ketua Pergerakan Pemuda Parti Keadilan Nasional Mohamad Ezam Mohd Nor kalah ditangan Datuk Mohd Zin Mohamad di kawasan Parlimen Shah Alam.

-- BERNAMA

AZH PR